

27 APR 2001

Mahathir-Malaysia (Bergambar)

RAKYAT MALAYSIA DI LUAR NEGARA PATUT PERKENALKAN MALAYSIA, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Harlina Samson

DUBAI, 27 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa rakyat Malaysia yang tinggal di luar negara supaya membantu memperkenalkan Malaysia dan memelihara imej baik negara.

Katanya rakyat Malaysia yang merupakan duta dan diplomat tidak rasmi negara hendaklah menyebarkan maklumat yang betul mengenai Malaysia dan memastikan warga asing mendapat gambaran yang baik tentang negara.

"Tolonglah pastikan anda menonjolkan imej yang baik dan sentiasa memperkatakan perkara yang baik mengenai Malaysia kepada penduduk di negara lain dan menggalakkan mereka mengunjungi Malaysia," katanya pada majlis makan malam dengan masyarakat Malaysia di Emiriyah Arab Bersatu di sini malam tadi.

Majlis anjuran Kelab Malaysia UAE itu, dihadiri 200 rakyat Malaysia yang merupakan ahli profesional dan perniagaan dalam pelbagai bidang.

Dr Mahathir, yang tiba di sini semalam untuk lawatan dua hari ke UAE berkata rakyat asing selalu mendapat gambaran yang salah mengenai Malaysia tetapi tanggapan mereka berubah apabila mereka melawat negara ini.

"Ia adalah baik untuk mereka, baik untuk kita dan baik untuk ekonomi. Mereka boleh mengenenepikan tanggapan salah mereka mengenai Malaysia," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau gembira mendapati rakyat Malaysia hari ini boleh ditemui di mana-mana di dunia walau di sebuah negara terpencil sekalipun.

"Malaysia lebih dikenali hari ini berbanding dulu. Barangan dan produk Malaysia juga lebih mudah ditemui di negara-negara lain," katanya.

Perdana Menteri berkata Malaysia yang mempunyai wawasan besar untuk menjadi sebuah negara maju menjelang 2020, perlulah bekerja keras.

Katanya Malaysia dengan masyarakatnya yang pelbagai bangsa, pelbagai agama dan pelbagai bahasa, hendaklah kekal stabil dan aman untuk terus membangun dan mencapai cita-citanya.

Pada majlis itu rakyat Malaysia di sini, mengambil kesempatan beramah mesra dan bergambar dengan Dr Mahathir.

-- BERNAMA

HS ES RON